

**Isu seksaan dalam ISA: Iraq guna 'saluran rasmi'
MalaysiaKini.com
2 Julai, 2012
Oleh Aidila Razak**

Kedutaan Iraq sedang membuat persediaan untuk membuat susulan dengan kerajaan Malaysia berhubung isu warganya yang mendakwa diseksa semasa dalam tahanan ISA.

Dalam satu emel kepada Malaysiakini, pejabat duta Iraq Amal Moussa Hussein berkata kedutaan itu sedang menjalankan usaha tersebut "melalui saluran rasmi Malaysia".

"Kedutaan Republik Iraq ingin... memaklumkan kepada anda bahawa Kedutaan sedang membuat susulan ke atas kes tahanan Iraq melalui saluran rasmi Malaysia," emel itu dipetik.

Ia turut menyatakan bahawa hal ehwal warga Iraq yang ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia berada bawah perhatiannya dan merupakan salah satu tugas kedutaan.

Malaysiakini pada bulan lalu melaporkan bahawa tahanan tersebut, termasuk warga Iraq, Sami Hammad, mendakwa diseksa oleh pihak berkuasa ketika tempoh tahanan reman 60 hari, sebelum dihantar ke kem Kamunting.

Menurut nota yang diseludup keluar dari kem berkenaan, Sami dan beberapa orang yang lain menyatakan dengan terperinci mengenai penyeksaan tersebut, yang menyebabkan beberapa kali cuba membunuh diri.

Warga Iraq itu mengesahkan kepada peguamnya Fadiyah Nadwa Fikri bahawa beliau bersama individu lain diserang dan badannya dilumur dengan cili boh dan foto bogelnya turut dirakam, ketika tempoh reman tersebut.

Polis sebelum ini berkata dakwaan dalam nota berkenaan sebagai "berniat jahat" dan "tidak berasas" tetapi tidak memberi reaksi mengenai pertanyaan Malaysiakini mengenai dakwaan Sami.